



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2006/2007

NAMA MATA PELAJARAN : KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN

KOD MATA PELAJARAN : MBE2263

KURSUS : SARJANA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 3 JAM

ARAHAN :

1. JAWAB SEMUA SOALAN BAHAGIAN A DIDALAM BORANG OMR DAN PILIH MANA-MANA 2 SOALAN BAHAGIAN B.
2. GUNAKAN KERTAS JAWAPAN BAGI MENJAWAB SOALAN BAHAGIAN B.
3. KERTAS SOALAN HENDAKLAH DIKEMBALIKAN BERSAMA-SAMA DENGAN KERTAS JAWAPAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 MUKA SURAT

BAHAGIAN A

- S1 Pengurusan boleh didefinisikan sebagai
- A. proses mencapai hasil yang diinginkan dengan mempengaruhi pekerja untuk bekerja dengan rajin.
 - B. proses mencapai hasil yang diinginkan melalui pengawalan sumber manusia supaya bekerja dan mengikut arahan tanpa soal.
 - C. proses mencapai hasil yang diinginkan melalui penggunaan sumber manusia dan bahan-bahan secara cekap.
 - D. proses mencapai hasil yang diinginkan melalui penggunaan sumber kewangan dan bahan-bahan tanpa batasan.
- S2 Fungsi pejabat dalam sesebuah organisasi adalah seperti berikut kecuali
- A. pusat rangkaian maklumat.
 - B. pusat penyimpanan maklumat dan rekod.
 - C. pusat penghubung pengurusan dalam dan luar organisasi.
 - D. pusat menyimpan maklumat sulit.
- S3 Pandangan pengurusan klasikal memberi penekanan kepada
- A. manusia, motivasi dan hubungan.
 - B. keadaan individu melalui pendekatan situasi kepada pengurusan.
 - C. struktur organisasi dan pencarian peraturan yang universal.
 - D. manusia, motivasi dan struktur organisasi.
- S4 Yang manakah salah satu ciri utama birokrasi sistem pengurusan Max Weber?
- A. Terdapat hirarki kedudukan atau jawatan yang tidak tetap.
 - B. Sistem autoritinya tidak berasaskan merit.
 - C. Terdapat hirarki kedudukan atau jawatan yang tetap dan autoriti.
 - D. Respon atau tindakbalas kepada keadaan perubahan yang pantas adalah cepat.
- S5 Kecemerlangan serta keberkesanan sesebuah sekolah boleh dicapai apabila
- A. guru-guru dan pelajar sentiasa dilibatkan dalam aktiviti sekolah.
 - B. keseluruhan lapisan staf dan pelajar sentiasa dilibatkan dalam aktiviti sekolah.
 - C. guru-guru dilibatkan dalam semua aktiviti sekolah.
 - D. pengetua sentiasa mempunyai perhubungan yang baik dengan pihak atasan.

- S6 Kajian 'Hawthorne' oleh Mayo menunjukkan penekanan kepada
- A. pertumbuhan minat terhadap sumber manusia.
 - B. pembahagian buruh, hirarki dan autoriti serta peraturan.
 - C. penglibatan terhadap kerja sendiri, persediaan ke arah tahap yang lebih tinggi dan latihan kepada pengganti.
 - D. birokrasi yang dianggap perlu untuk memastikan kestabilan.
- S7 Yang manakah bukan ciri-ciri pendekatan kualiti menyeluruh?
- A. Berdasarkan strategi.
 - B. Berfokuskan pelanggan.
 - C. Komitmen jangka pendek.
 - D. Pendidikan dan latihan.
- S8 Strategi yang menjadi tumpuan utama semasa membuat perancangan dalam pengurusan bimbingan dan kaunseling di pusat-pusat pendidikan teknik dan vokasional tertumpu kepada
- A. masalah sikap pelajar yang mudah memberontak.
 - B. masalah pelajar yang sering tidak menghabiskan tugas yang diberikan oleh guru.
 - C. masalah pelajar kerap tidak hadir kelas.
 - D. masalah pelajar cepat lesu dan kurang upaya menerima pengajaran dengan baik.
- S9 Bagi pekerja yang berkemahiran dan mempunyai daya motivasi yang tinggi serta telah menunjukkan kejayaan dalam tugas-tugas yang lepas, gaya pengurusan sesuai diamalkan.
- A. *laissez-faire*
 - B. demokratik
 - C. *country club*
 - D. autokratik

- S10 Antara tanggungjawab eksekutif yang perlu ditakrif dan didokumentasikan mengenai dasar kualiti adalah seperti berikut kecuali
- A. tindakan mencegah berulangnya ketidaktepatan perkhidmatan dan sistem kualiti.
 - B. mengawal proses/teknik pengajaran dan penghantaran perkhidmatan yang mengalami ketidaktepatan.
 - C. mengenalpasti kaedah pengukuran yang terbaik dan sesuai dengan masa dan keupayaan.
 - D. mengenal pasti dan merekodkan sebarang masalah berhubung perkhidmatan, teknik pengajaran dan sistem kualiti.
- S11 Pernyataan manakah mengenai kualiti adalah tidak benar?
- A. Rasional untuk kualiti menyeluruh dapat dilihat melalui keperluan untuk bertanding dalam pasaran global.
 - B. Dari perspektif pengguna, kualiti didefinisikan sebagai memenuhi harapan majikan dan pelanggan.
 - C. Kaedah saintifik adalah penting dalam pelaksanaan kualiti menyeluruh dalam penstrukturan kerja dan membuat keputusan serta penyelesaian masalah.
 - D. Kualiti menyeluruh adalah pendekatan untuk menghasikan kompetitif organisasi yang maksimum melalui peningkatan berterusan dalam kualiti produk, perkhidmatan, manusia, proses dan persekitaran.
- S12 Di antara perkara berikut, apakah perkara yang tidak ditekankan dalam konteks kepimpinan menurut Katz & Khan (1978)?
- A. Kedudukan atau jawatan.
 - B. Membuat keputusan dalam organisasi.
 - C. Keperibadian seseorang individu.
 - D. Kepimpinan sebagai satu rangkaian tingkahlaku tertentu.
- S13 Tujuan pelaksanaan Pengurusan Melalui Objektif (MBO) adalah
- A. meningkatkan kualiti perhubungan antara pihak atasan dengan sesebuah organisasi pendidikan.
 - B. menentukan garis-garis kasar yang dapat menentukan pergerakan dan cara-cara bagaimana sesuatu perkara sepatutnya dijalankan.
 - C. menyeimbangkan dan menyelaras kesepaduan kumpulan.
 - D. menganalisis persekitaran organisasi.

- S14 Banyak teori pengurusan dan pentadbiran sekolah sependapat bahawa kemajuan dan kecemerlangan sesebuah sekolah itu berkait rapat dengan
- keberkesanan pengurusan dan kepimpinan Pengarah Pendidikan Negeri.
 - keberkesanan pengurusan dan kepimpinan pengetua sekolah itu sendiri.
 - keberkesanan pengurusan dan kepimpinan guru-guru sekolah itu sendiri.
 - keberkesanan pengurusan dan kepimpinan PIBG.
- S15 Manakah antara berikut terlibat secara langsung dengan proses pengurusan hal ehwal pelajar?
- Penolong Kanan HEP.
 - Guru penolong kanan.
 - Penyelia petang.
 - Pengetua.
- S16 Grid Pengurusan yang dibangunkan oleh RS. Blake dan J.S. Mouton menerangkan bahawa
- pengurus *Country Club* tidak memberi perhatian kepada keperluan pekerja.
 - pengurus *Team-Building* mencapai objektif kerja daripada pekerja yang komited yang mana mereka saling memerlukan melalui 'tujuan yang sama'.
 - pengurus *Impoverished* sentiasa menyedari sebab mengapa mengarahkan pekerja bawahan menjalankan sesuatu tugas.
 - Pengurus autokratik sentiasa memberi hadiah atau ganjaran kepada pekerja.
- S17 Dalam konteks pelaksanaan kurikulum pendidikan di negara Malaysia, kebaikan pengurusan berpusat adalah
- merapatkan jurang pencapaian pelajar cerdas dan kurang cerdas.
 - berlakunya penyelarasan pencapaian di antara pelajar desa dan bandar.
 - mengintegrasikan matlamat dan hasrat negara melalui pendidikan.
 - menyekat kebolehan pelajar cerdas terus ke hadapan.
- S18 Analisis dalaman meliputi kegiatan mengkaji kedudukan sekolah dan mengukur kekuatan dan kelemahannya. Antara faktor dalaman yang dimaksudkan adalah
- pasaran buruh.
 - politik.
 - kerajaan.
 - kewangan.

- S19 Terdapat dua bentuk strategi dalam perancangan strategik iaitu
- A. secara langsung dan tak langsung.
 - B. secara terus dan mendatar.
 - C. secara menegak dan menaik.
 - D. secara autokratik dan demokratik.
- S20 Salah satu dari tujuh tabiat utama insan yang berkesan mengikut Stephen R. Covey dalam bukunya yang bertajuk *The Seven Habits of Highly Effective People* ialah
- A. menumpukan kepada matlamat.
 - B. cuba mendahului orang lain dalam pengurusan.
 - C. cuba memahami dahulu, kemudian cuba untuk difahami.
 - D. mempunyai sikap bersaing yang tinggi.
- S21 Salah satu penekanan dalam pengurusan sekolah wawasan adalah bertujuan untuk
- A. mewujudkan suasana *gaming* antara sekolah.
 - B. mewujudkan perpaduan antara kaum serta peluang persaingan sihat dalam proses pembelajaran pelajar.
 - C. mewujudkan suatu budaya baru dan meninggalkan yang asal.
 - D. merapatkan jurang perbezaan antara sekolah-sekolah.
- S22 Kepimpinan adalah
- A. satu seni menguruskan aktiviti-aktiviti individu atau kumpulan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja.
 - B. satu seni mempengaruhi aktiviti-aktiviti individu atau kumpulan ke arah mencapai objektif organisasi.
 - C. satu gaya memberi arahan dalam aktiviti-aktiviti individu atau kumpulan ke arah pelaksanaan kerja cemerlang.
 - D. satu gaya arahan dalam aktiviti-aktiviti individu atau kumpulan ke arah mencapai objektif organisasi.
- S23 Tugas dan tanggungjawab bagi menyediakan pasukan sekolah, melatih, mengurus untuk tujuan pertandingan dalam permainan adalah menjadi tanggungjawab
- A. penyelaras ko-kurikulum.
 - B. guru permainan.
 - C. setiausaha sukan.
 - D. pengetua.

- S24 Yang manakah bukan tingkahlaku pemimpin dalam *House's Path-Goal Theory of Leadership*?
- Kepimpinan sokongan (*supportive*)
 - Kepimpinan demokratik (*democratic*)
 - Kepimpinan arahan (*directive*)
 - Kepimpinan berorientasikan kejayaan (*achievement-oriented*)
- S25 Gaya kepimpinan dalam pengurusan yang dikenali sebagai gaya berkumpulan (*Team*) berasaskan
- penumpuan rendah terhadap tugas, penumpuan tinggi terhadap manusia.
 - penumpuan rendah terhadap tugas, penumpuan rendah terhadap manusia.
 - penumpuan tinggi terhadap tugas, penumpuan tinggi terhadap manusia.
 - penumpuan tinggi terhadap tugas, penumpuan rendah terhadap manusia.
- S26 Yang manakah antara pernyataan berikut adalah tidak benar mengenai gaya kepimpinan?
- Pemimpin autokratik adalah berorientasikan tugas, bekerja menuju sasaran dan tarikh akhir (*deadlines*) dan mengurus pekerja seperti mengurus mesin dan duit.
 - Pemimpin demokratik/partisipatif percaya dalam memberi peluang pekerja untuk membuat keputusan.
 - Pemimpin *laissez-faire* banyak melibatkan diri mereka dalam operasi organisasi dan adalah sangat efektif.
 - Gaya kepimpinan dalam teori keadaan (*situational*) akan berubah mengikut kematangan pekerja bawahan dalam organisasi.
- S27 Yang manakah di antara berikut bukan pandangan pengurusan kontemporari?
- Teori Sistem.
 - Teori Kontingensi.
 - Teori Z.
 - Teori Y.
- S28 Keberkesanan dan kecemerlangan sesebuah sekolah boleh dicapai apabila
- pengetua sentiasa mempunyai perhubungan yang baik dengan pihak atasan.
 - guru-guru dan pelajar sentiasa dilibatkan dalam aktiviti sekolah.
 - keseluruhan lapisan staf dan pelajar sentiasa dilibatkan dalam aktiviti sekolah.
 - guru-guru dilibatkan dalam semua aktiviti sekolah.

- S29 Pernyataan manakah bukan ciri-ciri pengurusan pendidikan Teknik Dan Vokasional yang berkualiti tinggi?
- A. Perancangan strategik adalah hanya di peringkat Kementerian Pendidikan dan Politeknik/Sekolah di mana ia tidak perlu mengambil kira pandangan jabatan-jabatan di dalam politeknik/sekolah.
 - B. Kepimpinan adalah proaktif, moral yang tinggi serta hubungan kakitangan yang sangat baik.
 - C. Pengawalan kualiti diberikan keutamaan yang tinggi pada keseluruhan politeknik/sekolah dan mementingkan penggunaan indikator pencapaian.
 - D. Mempunyai sistem komunikasi yang jelas dan terbuka kepada semua pihak.
- S30 Teori X adalah berdasarkan suatu pendekatan yang mencadangkan bahawa
- A. pekerja sebenarnya adalah bersedia untuk bekerja; umumnya mempunyai cita-cita kerjaya, bertanggungjawab tetapi kurang kreativiti dan inisiatif.
 - B. pekerja sebenarnya malas untuk bekerja; umumnya adalah tidak bercita-cita, mengelakkan tanggungjawab, kurang kreativiti dan inisiatif.
 - C. pekerja adalah rajin dan suka bekerja di bawah suasana yang sesuai; sanggup menerima tanggungjawab, kreatif dan inovatif.
 - D. pekerja adalah rajin dan suka bekerja di bawah suasana yang sesuai tetapi tidak sanggup menerima tanggungjawab dan tidak kreatif serta tidak inovatif.
- S31 Proses pengurusan eksklusif mempunyai empat peringkat proses utama, diantara yang berikut yang manakah merupakan proses pengurusan yang dimaksudkan?
- I. Penyusunan.
 - II. Pengawalan.
 - III. Pemusatan.
 - IV. Pengarahan.
- A. I dan IV sahaja.
 - B. I, II dan III sahaja.
 - C. II dan III sahaja.
 - D. I, II dan IV sahaja.

- S32 Pernyataan yang manakah yang mencerminkan kepimpinan yang paling berpotensi:?
- I. Bergantung kepada pengikut sebanyak mana ia bergantung kepada dirinya sendiri.
 - II. Sentiasa menyedari sebab mengapa mengarahkan pekerja bawahan menjalankan sesuatu tugas.
 - III. Tidak mempercayai sesiapa melainkan diri sendiri dalam pelaksanaan projek yang sangat penting, walaupun terpaksa membuat kerja lebih masa.
 - IV. Akan mencadangkan pekerja bawahan untuk kenaikan pangkat ke kedudukan yang sama atau lebih tinggi jika ia berjustifikasi.
 - V. Menganggap dirinya sebagai tidak boleh dibuang daripada kedudukan terkini.
- A. I sahaja.
 - B. II dan IV sahaja.
 - C. I, II dan III sahaja.
 - D. I, II, III, IV dan IV.
- S33 Antara pertimbangan kawalan kualiti yang harus diambilkira oleh pihak pengurusan sekolah dan ibu bapa sebelum melaksanakan ISO 9000 adalah seperti
- I. kawalan pelajar.
 - II. kawalan kos.
 - III. kawalan masa.
 - IV. kawalan ancaman.
- A. I, II dan III sahaja.
 - B. I, II dan IV sahaja.
 - C. I, III dan IV sahaja.
 - D. I, II, III dan IV sahaja.
- S34 Dalam kes pembelian pakaian unit beruniform, apakah peranan yang relevan yang boleh dimainkan oleh pengurusan pejabat?
- I. Memberi maklumat berkaitan peruntukan yang dibenarkan kepada pengurusan kokurikulum.
 - II. Menyediakan jadual aktiviti.
 - III. Menyimpan rekod pembelian.
 - IV. Melaporkan semua aktiviti yang melibatkan kewangan kepada pengetua.
- A. I sahaja.
 - B. I dan II sahaja.
 - C. I, II dan III sahaja.
 - D. I, II, III dan IV.



- S35 Yang manakah di antara berikut merupakan aspek kawalan mutu kerja dalam sebuah pengurusan sebuah agensi pendidikan teknik dan vokasional?.
- I. Pengurusan yang cekap dan berkesan.
 - II. Kerja berkumpulan.
 - III. Kemahiran kakitangan.
 - IV. Kepimpinan.
- A. I dan II sahaja.
 - B. I dan III sahaja.
 - C. II dan IV sahaja.
 - D. I,II,III dan IV.
- S36 Ciri-ciri berikut merupakan bidang fungsi yang berkaitan dalam mempersoalkan akauntabiliti seorang pengetua sebagai pemimpin.
- I. Memberi pimpinan.
 - II. Menyelia dan menilai guru.
 - III. Mengadakan perkembangan staf.
 - IV. Mengurus sumber manusia.
 - V. Membina iklim sekolah.
- A. II, III, IV, sahaja.
 - B. I, II, III dan V sahaja.
 - C. II, III, IV dan V sahaja.
 - D. I, II, III, IV dan V.
- S37 Sumber kewangan sekolah bantuan kerajaan diuruskan melalui sistem perakaunan dana. Apakah dana yang dimaksudkan?
- I. Dana asrama
 - II. Dana kerajaan
 - III. Dana sewa
 - IV. Dana yuran
- A. I dan II sahaja.
 - B. I dan IV sahaja.
 - C. I dan III sahaja.
 - D. II dan III sahaja.

- S38 Pendekatan mengurus perubahan strategik ialah dengan menekankan
- I. kaedah membuat keputusan.
 - II. perubahan masa hadapan.
 - III. kaedah menghuraikan keadaan sekarang.
 - IV. kaedah mengenalpasti jurang masa kini dan masa hadapan.
- A. I sahaja.
 - B. I, II, III dan IV.
 - C. I, II dan III sahaja.
 - D. I dan II sahaja.
- S39 ISO 9000 adalah
- I. bertujuan untuk menghasilkan satu kumpulan piawai yang diterima secara antarabangsa untuk barangan dan perkhidmatan.
 - II. sebagai satu mekanisma yang boleh diambil oleh sesebuah organisasi sebagai titik tolak dalam pelaksanaan kualiti menyeluruh.
 - III. lebih menekankan pemeriksaan dan membuat kerja semula daripada menghalang (prevention)
 - IV. satu pendekatan yang sangat bersesuaian dengan falsafah kualiti menyeluruh
 - V. satu piawaian yang menetapkan satu set spesifikasi untuk kualiti.
- A. II dan IV sahaja.
 - B. I, II dan IV sahaja.
 - C. I, II, III dan V sahaja.
 - D. II, III, IV dan V sahaja.
- S40 Falsafah Deming telah diringkaskan kepada 14 prinsipnya iaitu
- I. menghasilkan ketekalan dalam tujuan untuk peningkatan produk dan perkhidmatan.
 - II. menggunakan falsafah baru.
 - III. menginstitusikan latihan dan kepimpinan.
 - IV. menanamkan perasaan hormat dan takutkan kepada ketua supaya meningkatkan prestasi kerja.
 - V. menggalakkan pekerja bekerja mengikut bidang-bidang mereka dan membina kumpulan mengikut bidang.
- A. II dan IV sahaja.
 - B. I, II dan III sahaja.
 - C. I, II, IV dan V sahaja.
 - D. II, III, IV dan V sahaja.

BAHAGIAN B

- S1 Kokurikulum dikatakan sebagai satu aktiviti yang sangat berkesan dalam pembentukan insan kamil di sesebuah negara khususnya di Malaysia. Bincangkan.
- (20 markah)
- S2 (a) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan teori pengurusan kontingensi
- (4 markah)
- (b) Mengapakah tindakan mengambil pemikiran memilih pengurusan kontingensi sebagai satu pendekatan dalam perancangan masa kini . Bincangkan.
- (6 markah)
- (c) Sejauh manakah prinsip pengurusan kontinjensi diaplikasikan dalam dunia pengurusan pendidikan khususnya dalam pengajaran pendidikan teknik dan vokasional sekarang?
- (10 markah)
- S3 (a) *Total Quality School* adalah satu cara untuk meningkatkan keberkesanan sekolah yang menggunakan konsep *Total Quality Management (TQM)*. Bincangkan.
- (8 markah)
- (b) Huraikan ciri-ciri sistem kualiti yang diperlukan oleh ISO 9000 yang disesuaikan untuk kawalan mutu dalam sistem pendidikan di negara kita Malaysia..
- (12 markah)